

# BECLATE AQUANASE NASAL SPRAY

Beclomethasone dipropionate (50mcg/semburan)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan BECLATE AQUANASE
2. Bagaimana BECLATE AQUANASE berfungsi
3. Sebelum menggunakan BECLATE AQUANASE
4. Cara menggunakan BECLATE AQUANASE
5. Semasa menggunakan BECLATE AQUANASE
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan BECLATE AQUANASE
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan BECLATE AQUANASE

Beclate Aquanase digunakan untuk mencegah dan merawat gejala-gejala rinitis (radang membran mukus dalam hidung) vasomotor alergi bermusim dan sepanjang tahun.

Beclate Aquanase juga membantu mencegah pertumbuhan polip hidung daripada kembali setelah dibuang

## Bagaimana BECLATE AQUANASE berfungsi

Bahan aktif Beclate Aquanase adalah beclomethasone dipropionate, sejenis kortikosteroid yang mempunyai fungsi antiradang dan pengecutan salur darah yang membantu mengurangkan pembengkakan dan kerengsaan di dalam hidung.

## Sebelum menggunakan BECLATE AQUANASE

### -Bila tidak boleh mengambil

Jangan menggunakan Beclate Aquanase:

- Jika anda mengalami jangkitan kulat, bakteria atau virus yang tidak dirawat.
- Jika anda dijangkiti tuberculosi (TB) dalam paru-paru
- Jika anda mengalami jangkitan virus pada mata (*ocular herpes simplex*)
- Jika anda mengalami luka yang belum sembuh di dalam hidung

- Jika anda pernah mengalami alahan kepada beclomethasone dipropionate atau mana-mana bahan dalam ubat ini

### -Sebelum mula menggunakan

Berjumpa dengan doktor atau ahli farmasi sebelum menggunakan Beclate Aquanase jika anda mengalami sebarang jangkitan atau ulser di dalam hidung, atau anda baru menjalani pembedahan atau mengalami kecederaan di dalam hidung.

### Kehamilan dan menyusu

Bincang dengan doktor atau ahli farmasi anda sebelum menggunakan Beclate Aquanase jika anda mengandung, cuba hamil atau menyusu

### -Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan

## Cara menggunakan BECLATE AQUANASE

Goncang sebelum menggunakan. Gunakan untuk hidung sahaja. Jangan telan.

### -Berapa banyak harus digunakan

Dewasa dan kanak-kanak di atas 6 tahun:

Sembur 1-2 kali ke dalam setiap lubang hidung setiap pagi dan petang.

Jangan gunakan untuk kanak-kanak berumur di bawah 6 tahun

### -Bila perlu digunakan

Anda perlu menggunakan semburan secara tetap untuk mendapat hasil yang berkesan.

### -Berapa lama perlu digunakan

Ia mengambil masa beberapa hari untuk menunjukkan kesan, oleh itu adalah penting untuk menggunakan ubat ini secara tetap. Jangan menghentikan rawatan walaupun anda telah bertambah baik kecuali anda diberitahu oleh doktor sebaliknya

### -Jika terlupa untuk menggunakan

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

### -Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Penggunaan secara berlebihan dalam tempoh yang singkat boleh menyebabkan penekanan fungsi *hypothalamic-pituitary-adrenal (HPA)*

## Semasa menggunakan BECLATE AQUANASE

### -Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat anda mengikut arahan doktor. Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Beclate Aquanase. Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa menggunakan ubat ini.

### -Perkara yang tidak boleh dilakukan

-Gunakan Beclate Aquanase mengikut arahan. Jangan melebihi dos yang dibenarkan.

-Ubat ini hanya disyorkan untuk anda. Jangan benarkan orang lain mengambil ubat ini.

### -Perkara yang perlu diberi perhatian

Perubahan dari rawatan sistemik ke topikal  
Pengantian kortikosteroid sistemik kepada Beclate Aquanase boleh disertai dengan tanda-tanda pengurangan fungsi sistem adrenal. Apabila digantikan dengan Beclate

# BECLATE AQUANASE NASAL SPRAY

Beclomethasone dipropionate (50mcg/semburan)

Aquanase perhatian yang teliti harus diberikan kepada individu yang sebelum ini dirawat untuk tempoh yang lama dengan kortikosteroid sistemik. Ini amat penting untuk individu yang mempunyai asma yang berkaitan atau keadaan klinikal yang lain, di mana pengurangan kortikosteroid sistemik terlalu cepat boleh menyebabkan gejala-gejala menjadi sangat teruk. Walaupun kesan sistemik adalah minimum dengan dos yang disyorkan, potensi ini meningkat dengan dos berlebihan. Oleh itu, dos yang lebih tinggi dari yang disyorkan harus dielakkan.

## Kesan-kesan sampingan

Seperti semua ubat, Beclate Aquanase boleh menyebabkan kesan-kesan sampingan, walaupun bukan semua orang akan mengalaminya.

Jika anda mengalami mana-mana simptom reaksi alergik berikut, berhenti menggunakan Beclate Aquanase dan maklumkan doktor segera:

-Alahan. Ini termasuk ruam, bengkak pada mulut atau muka atau kesukaran bernafas.

Kesan sampingan adalah:

- ketidakelesaan hidung seperti kekeringan dan kerengsaan
- bersin
- epistaxis (pendarahan dari hidung)
- penyembuhan luka terjejas
- rasa dan bau yang tidak menyenangkan
- Lubang pada septum hidung (hidung struktur yang memisahkan lubang hidung)
- Glaukoma (peningkatan tekanan di dalam mata)

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel. 03-78835550, atau laman web [npra.moh.gov.my](http://npra.moh.gov.my) (*Public --> Reporting Medicinal Problems / Side Effects / AEFI / Vaccine Safety*)

## Cara penyimpanan dan pelupusan Beclate Aquanase

### -Penyimpanan

Simpan di bawah suhu 25° dan jangan di masukkan ke dalam peti sejuk. Jauhi dari pandangan kanak-kanak. Jangan gunakan ubat ini selepas tarikh luput yang dinyatakan. Lindungi daripada cahaya

### -Pelupusan

Jangan buang sebarang ubat melalui sisa air atau sisa isi rumah. Tanya ahli farmasi cara melupuskan ubat yang tidak lagi digunakan. Langkah ini akan membantu melindungi alam sekitar.

## Maklumat lanjut

### Rupa dan warna produk

Ampaian sekata berwarna putih senang tersebar yang diisi dalam botol kaca ambar (10 ml) dengan semburan hidung yang dimampatkan.

### Bahan-bahan kandungan

-Bahan Aktif: Setiap semburan mengandungi Beclomethasone Dipropionate 50 mikrogram

-Bahan-bahan tidak aktif: Avicel RC (microcrystalline cellulose, sodium carboxymethylcellulose), dextrose, polysorbate 80, benzalkonium, *purified water* dan phenylethyl alcohol

-Nombor MAL: MAL20013987AZ

## Pengilang

Cipla Ltd.,  
Verna Industrial Estate  
Goa, 403722  
India

## Pemegang Pendaftaran Produk

Cipla Malaysia Sdn Bhd  
Suite 1101, Amcorp Tower,  
Amcorp Trade Center,  
No. 18, Persiaran Barat  
46050 Petaling Jaya  
Selangor Darul Ehsan

## Tarikh kemas kini RIMUP

14/08/2017

## Nombor Siri


NPRA(R4/1)010817/00187

# BECLATE AQUANASE NASAL SPRAY

Beclomethasone dipropionate (50mcg/semburan)

## Arahan penggunaan

-Bahagian-bahagian Beclate Aquanase



Botol dengan pam dos bermeter dengan penutup muncung


### Sebelum menggunakan

1. Goncang botol berhati-hati, bukakan penutup botol.
2. Pegang botol seperti yang ditunjukkan di bawah dengan jari telunjuk dan jari tengah pada sebelah muncung dan ibu jari di bawah botol



3. Sebelum menggunakan Beclate Aquanase untuk pertama kali, atau anda telah lama tidak menggunakan, ikut arahan di bawah.

4. Dengan muncung menghalau jauh daripada anda, tekan beberapa kali seperti yang ditunjukkan sehingga kabut halus keluar dari muncung.



5. Hembus hidung perlahan-lahan



6. Tutup satu lubang hidung dan letakkan muncung botol pada lubang hidung lain seperti yang ditunjukkan. Condongkan kepala anda ke depan sedikit dengan kedudukan tegak

7. Cuba tarik nafas melalui hidung dan pada masa yang sama, tekan dengan jari untuk melepaskan semburan.



8. Hembus nafas melalui mulut. Ulang langkah 6 dan 7 untuk membuat semburan ke dua.




9. Ulang langkah 5, 6 dan 7 untuk lubang hidung yang lain.



Selepas menggunakan

9. Sapu muncung botol dengan kain bersih dan tutup dengan rapi.

Nota:




Kali pertama anda menggunakan anda boleh bersin beberapa kali. Ini adalah kerana lapisan hidung yang sensitif. Ini kemungkinan tidak berlaku selepas beberapa dos pertama.

### Pembersihan

Beclate Aquanase hendaklah dibersihkan sekurang-kurangnya seminggu sekali.

Untuk melakukan ini:



1. Tolak muncung ke atas untuk menanggalkan daripada botol
2. Basuh muncung dan penutup dengan air suam. Goncang untuk mengeluarkan air berlebihan dan

# **BECLATE AQUANASE NASAL SPRAY**

Beclomethasone dipropionate (50mcg/semburan)

---

biarkan kering di tempat yang hangat.  
Elakkan haba berlebihan.

3. Ganti muncung dan penutup botol

4. Sekiranya muncung tersumbat,  
lakukan seperti di atas, rendam dalam  
air panas. Bilas dengan air sejuk.  
Biarkan kering and pasang semula.  
Jangan gunakan pin atau objek tajam  
yang lain untuk membersihkan  
sumbatan muncung.